

5 universiti tersenarai 200 terbaik dunia

Pencapaian bukti pelaburan kerajaan, KPT buahkan hasil

Kuala Lumpur: Kejayaan Malaysia meletakkan lima universiti penyelidikan berada dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia, membuktikan pendidikan tinggi di negara ini kini bertaraf dunia, kata Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Beliau berkata, matlamat itu terkandung dalam pelan strategik pengajian tinggi yang dilancarkan pada 2013 dengan meletakkan sasaran pada 2015 hingga 2025 dengan kerajaan berharap meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai sebuah negara dengan universiti penyelidikan terbaik dunia (hab pendidikan tinggi bertaraf dunia).

Laporan itu dikeluarkan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2021, pada 10 Jun lalu.

“Kerajaan sudah mengusahakan perkara ini ketika rangka tindakan dilancarkan, Menteri Pendidikan atau Menteri Pelajaran ketika itu adalah Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (kini).

“Dan kini kita dapat lihat sasaran 2015-2025, Malaysia sudah berada di pertengahan jalan dan mendapat pencapaian yang sangat memberangsangkan,” katanya dalam temu bual khas program *Ruang Bicara* terbitan Bernama TV, malam kelmarin.

Kelima-lima universiti berkenaan ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Mohamed Mustafa berkata, pencapaian itu bukan hanya terbatas kepada lima pengajian sahaja dan tidak boleh lonjakan semua pengajian dalam satu masa sama kerana setiap pengajian tarafnya adalah berbeza.

“Ranking pada hari ini boleh dikatakan sembilan atau 10 universiti melonjak pencapaian mereka, selain lima universiti penyelidikan. Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) juga mempunyai pencapaian baik, ada yang sudah cecah tangga 379 seperti Taylor’s University dan UCSI University,” katanya.

BERNAMA.